

Analisis keperluan aplikasi kosa kata bahasa Arab komunikasi dalam pembelajaran

Analysis of needs Arabic communication vocabulary application in learning

**Muhamad Khairul Anuar Zulkepli^{1*}, Burhanuddin Wahab², Ahmad Fauzi Yahaya³,
Mohd Zulkhairi Abd Hamid⁴, Norhayuza Mohamad⁵**

¹ Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, 08400, Malaysia, mkaz@uitm.edu.my

² Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, 08400, Malaysia, burhan053@uitm.edu.my

³ Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, 08400, Malaysia, fauzi559@uitm.edu.my

⁴ Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, 08400, Malaysia, mzulkhairi@uitm.edu.my

⁵ Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Shah Alam, 40450, Malaysia, norha571@uitm.edu.my

* Corresponding Author: Muhamad Khairul Anuar Zulkepli. Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah, 08400, Malaysia, mkaz@uitm.edu.my, +6018-9660208, ORCID iD: 0000-0003-2289-4570

ABSTRACT

Learning technology is learning with the concept of technology, and it is now growing in this era of modernization and continuing to spread in the world of vocabulary learning, especially in Arabic, with a variety of platforms and the latest technology such as applications, prototypes, and so on. Motivation and interest in Arabic vocabulary can be gained through prototyping. To cultivate motivation and a sense of interest, educators must create learning platforms that appeal to the current generation. Therefore, this study aims to analyze the application need of communication Arabic vocabulary in learning at UiTM Kedah. This is quantitative study uses questionnaire as primary source of data. A total of 144 respondents took Arabic subject code TAC401. Data were analysed using SPSS version 28 software to measure the level of respondents' needs. The results of the analysis show a high degree of interpretation to develop an application as support in learning Arabic vocabulary, and the implications of this study provide a contribution to learning aids as a new platform for UiTM students to learn Arabic vocabulary.

Keywords: Application; vocabulary; arabic language; learning; student

ABSTRAK

Teknologi pembelajaran ialah proses pembelajaran berkonsepkan teknologi dan ia semakin berkembang pada era modenisasi ini dan terus menular dalam dunia pembelajaran kosa kata khususnya bahasa Arab dengan variasi platform dan teknologi terkini seperti aplikasi, prototaip dan sebagainya. Penghasilan aplikasi berbentuk prototaip boleh mencetuskan motivasi dan minat dalam pembelajar kosa kata bahasa Arab. Dalam usaha memupuk motivasi dan minat tersebut, para pendidik atau guru perlu mencetuskan idea dan sumbangan inovasi dalam menyediakan platform pembelajaran menepati cita rasa generasi masa kini yang berpaksikan teknologi. Justeru, kajian ini bertujuan menganalisis keperluan aplikasi kosa kata bahasa arab komunikasi dalam pembelajaran di UiTM Kedah. Kajian ini kajian kuantitatif berbentuk deskriptif mengadaptasikan instrumen soal selidik sebagai sumber data premier. Sebanyak 144 orang responden terlibat dalam kajian ini dan mereka ialah pelajar yang mengambil subjek bahasa Arab kod TAC401 (Introductory Arabic Part I). Data dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 28 bagi mengukur tahap keperluan responden. Hasil analisis memperlihatkan satu interpretasi yang tinggi untuk membangunkan aplikasi sebagai sokongan dalam pembelajaran kosa kata bahasa Arab. Implikasi kajian dilihat sebagai sokongan dalam pembelajaran kosa kata bahasa Arab dan memberikan sumbangan bahan bantu pembelajaran sebagai platform baru pelajar kepada bahan bantu pembelajaran sebagai platform baru pelajar UiTM mempelajari kosa kata bahasa Arab.

Kata Kunci: Aplikasi; kosa kata; bahasa arab; pembelajaran; pelajar

Received: September 14, 2023

Accepted: October 27, 2023

Online Published: Nov 30, 2023

1. Pengenalan

Arus globalisasi kini membawa perubahan kepada kehidupan. Transformasi global yang berlaku ini disebabkan oleh kepesatan sains teknologi yang kian pesat membangun. Oleh yang demikian, kemajuan ini memberi impak kepada variasi aspek kehidupan termasuklah konteks pengajaran dan pembelajaran. Implikasi dari kemunculan teknologi pada masa kini mempengaruhi dimensi dan inovasi dalam pembelajaran bahasa secara khususnya. Perkara ini bertepatan dengan kenyataan Rifda dan Mohamad (2023) iaitu perkembangan ICT telah mengubah sistem pendidikan tradisional kepada sistem moden yang berteknologi, lantas memerlukan guru berinovasi dan menyelaraskan diri dengan perkembangan teknologi.

Teknologi masa kini wujud dengan variasi aneka bentuk dan antara yang menjadi perhatian ialah teknologi aplikasi dalam mudah alih. Kehadiran aplikasi tersebut bagai cendawan tumbuh selepas hujan. Senario ini menggambarkan transformasi teknologi kini semakin berkembang dan memanfaatkan kehidupan manusia. Sebagaimana dinyatakan oleh Mohd et.al (2022), aplikasi mudah alih menjadi sesuatu yang seharusnya ada dalam kehidupan. Salah satu aspek pemanfaatan yang boleh diaplikasikan dalam kehidupan ialah pendidikan untuk semua lapisan usia. Antara bidang pembelajaran yang mengadaptasikan konsep teknologi ialah pembelajaran kosa kata dan ia dilakukan melalui aplikasi android dalam telefon pintar. Ia dipelopori golongan muda yang lebih mesra dengan dunia aplikasi telefon pintar. Aplikasi ini diperluaskan lagi dalam pembelajaran kosa kata bahasa Arab khususnya di institusi pengajian. Perkara ini bertepatan dengan apa yang diutarakan oleh Ewais dan Troyer (2019). Menurutnya, salah satu pendekatan atau strategi memudahkan proses yang abstrak dan kompleks ialah pengadaptasian aplikasi mudah alih. Aplikasi mudah alih dianggap sebagai satu inovasi tambahan dalam pembelajaran tradisional seperti buku teks, nota dan lain-lain.

Memetik pandangan Azzikri (2019), ada disebut bahawa kepesatan teknologi masa kini memberikan anjakan paradigma kepada para pendidik dan pelajar sebagai usaha langkah memahami teknologi demi meningkatkan kualiti pendidikan. Salah satu instrumen pengajaran efektif dan mengikuti perkembangan teknologi pembelajaran ialah integrasi media sebagai bahan bantu pengajaran dan pembelajaran. Kepentingan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran pada era global ini semakin mendapat tempat di hati para pendidik dan pelajar. Ini kerana teknologi dapat dimanfaatkan dalam dunia pengajaran dan pembelajaran dalam apa jua bidang sekalipun.

Dari perspektif pembelajaran bahasa Arab, ada diterangkan bahawa pelajar-pelajar perlu menguasai dan menambah glosari kosa kata bahasa Arab. Kosa kata arab boleh diterjemahkan kepada platform berfikir dan diperoleh daripada berbagai-bagai kemahiran seperti bertutur, mendengar, membaca dan menulis (Afaria, 2020). Kenyataan tersebut menepati pendapat Koderi (2021) yang menyebut pembelajaran bahasa Arab mengandungi beberapa elemen tidak boleh dipisahkan. Elemen itu ialah penguasaan perbendaharaan kata bahasa Arab untuk dipraktikkan. Penguasaan tersebut turut membawa kepada kejayaan mereka untuk mencapai kemahiran asas bahasa iaitu membaca, menulis, mendengar dan

bertutur. Justeru, keperluan terhadap media pembelajaran membantu para pelajar sebagai alat bantuan untuk mengulangkaji perbendaharaan kata yang dimiliki.

Justeru, apa yang diutarakan ini cuba untuk dikaitkan dengan pembelajaran bahasa Arab di Universiti Teknologi Mara (UiTM). Universiti ini telah menawarkan berbagai-bagai program pengajian bermula di peringkat pra-pengajian tinggi hingga ke peringkat doktor falsafah. Begitu juga kursus bahasa ketiga yang ditawarkan merangkumi bahasa Asian dan Eropah seperti bahasa Arab, Mandarin, Perancis, Jepun dan sebagainya. Kursus bahasa Arab yang ditawarkan ialah TAC401 (*Introductory Arabic Part 1*), TAC451 (*Introductory Arabic Part 2*) dan TAC501 (*Introductory Arabic Part 3*). Bahasa Arab merupakan bahasa ketiga yang menjadi antara bahasa pilihan para pelajar di peringkat ijazah sarjana muda. Bahasa ketiga ini dilaksanakan di UiTM dengan menggariskan empat kemahiran asas utama iaitu menulis, membaca, mendengar dan bertutur serta dilengkapi kosa kata efektif. Sukatan yang telah disusun bersesuaian dengan tahap permulaan pelajar untuk mempelajari dan memahami kosa kata secara mudah berpandukan topik-topik yang disediakan.

Gaya pembelajaran bahasa Arab di UiTM Kedah khususnya berbentuk klasik yang banyak melibatkan penggunaan papan putih, buku teks atau modul dan pembentangan slaid topik-topik pembelajaran. Pembelajaran seperti ini menjadikan pelajar-pelajar bosan dan memerlukan kandungan atau konten pembelajaran moden sebagai sokongan untuk menarik minat serta motivasi terhadap pembelajaran bahasa Arab. Dari perspektif penguasaan kosa kata bahasa Arab pula, kualiti penguasaan kosa kata para pelajar UiTM Kedah dapat dilihat melalui draf awal penulisan skrip lakonan (*role-play*) bahasa Arab yang dihasilkan oleh mereka. Penghasilan draf skrip tersebut menggambarkan tahap kosa kata pelajar yang lebih bergantung kepada terjemahan *google translate*, laman sesawang terjemahan dan lain-lain. Ini mengakibatkan para pelajar tidak bergantung sepenuhnya kepada modul atau buku teks dipelajar sebagai rujukan utama kosa kata yang telah dipelajari. Demikianlah gambaran yang berlaku dalam kalangan pelajar-pelajar terhadap pembelajaran kosa kata bahasa Arab.

2. Pernyataan Masalah

Teknologi masa kini dilihat telah berkembang dan terus semakin berkembang pesat hingga mempengaruhi transformasi bukan hanya sekadar dalam diri malah dalam dunia pembelajaran yang melibatkan pembelajaran kosa kata apa jua bidang bahasa sekalipun. Begitu juga bahasa Arab sudah mula digarab dengan kecanggihan teknologi terkini berbentuk aplikasi, prototaip, *e-learning* dan lain-lain. Natiujahnya, jalinan teknologi berbentuk aplikasi mampu menarik minat pelajar UiTM khususnya dalam mempelajari kosa kata bahasa Arab.

Menurut Nur (2022), aplikasi boleh membantu tenaga pengajar bahasa Arab untuk mempelbagaikan bahan bantu mengajar bahasa Arab. Penggunaan bahan bantu mengajar bersifat tradisional seperti papan putih dan dakwat dilihat kurang efektif. Alat bantu mengajar yang efektif dapat memanfaatkan kemahiran bahasa Arab iaitu bertutur, mendengar dan membaca. Hapsari dan Zulherman (2021) menyokong pendapat Nur (2022) dengan menyebut bahawa kosa kata ialah elemen utama penguasaan bahasa Arab. Seorang guru perlulah bijak memilih pendekatan dalam pembelajaran bahasa Arab untuk meningkatkan perbendaharaan kata pelajar. Antara platform yang boleh dipraktikkan ialah platform Canva berbentuk aplikasi reka bentuk grafik secara talian. Ia boleh dimanfaatkan untuk mencipta dan mengolah bahan

bantu pembelajaran seperti poster, video pendek dan lain-lain. Platform ini membantu proses pembelajaran kosa kata menjadi lebih seronok dan tidak membosankan.

Razak et.al (2020) berkongsi pandangan bahawa saiz kosa kata Arab pelajar Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) berada di tahap skala yang rendah. Perkara ini dilihat apabila kosa kata dikemukakan kepada pelajar, mereka mampu membezakan antara kata kerja dan kata nama pada perkataan-perkataan tertentu sahaja yang dikuasai. Penelitian yang dilakukan ini menunjukkan pelajar di peringkat universiti mampu menguasai perbendaharaan kata sehingga pada kedudukan 2500 perkataan pertama sahaja berdasarkan *Corpus of Contemporary Arabic (CCA)*. Penguasaan tersebut hanya limit kepada kemampuan untuk membezakan antara kata kerja dan kata nama bagi sesuatu perkataan.

Sehubungan itu, permasalahan yang diutarakan ini turut menjadi perbincangan yang menarik perhatian dalam kalangan ahli akademik di UiTM Kedah khususnya. Pelajar-pelajar mengalami masalah saiz kosa kata bahasa Arab di tahap yang kurang memberangsangkan dan ia dapat dilihat menerusi tugas yang diberikan iaitu simulasi dan *role-play* (lakon peranan). Oleh yang demikian, dapat dikatakan bahawa pelajar di peringkat pengajian tinggi juga masih mengalami saiz kosa kata yang lemah sungguhpun terdapat kosa kata mudah yang sepatutnya boleh dikuasai pelajar. Senario ini perlu diberikan perhatian dan strategi pembelajaran juga perlu dititikberatkan dalam usaha membantu prestasi kosa kata bahasa Arab dalam kalangan pelajar UiTM Kedah lebih-lebih lagi dalam dunia teknologi kini yang semakin canggih dan maju ke hadapan. Dapatan awal yang diperoleh dari tinjauan terhadap pelajar menunjukkan bahawa mereka lebih menjurus kepada pembelajaran berteknologi. Justeru, satu aplikasi kosa kata Arab dicadangkan untuk diwujudkan dan kajian ini bertujuan untuk membuat tinjauan awal pelajar terhadap keperluan aplikasi tersebut.

3. Metodologi

Kajian ini kajian kuantitatif berbentuk deskriptif untuk melihat tinjauan awal terhadap isu kosa kata bahasa Arab dan keperluan aplikasi kosa kata dalam kalangan para pelajar. Data yang terkumpul dibincangkan secara deskriptif dengan tujuan untuk mendapatkan isu utama berkaitan permasalahan kosa kata pelajar.

Data dalam kajian ini diperoleh dari hasil soal selidik. Soal selidik tersebut diadaptasi daripada Nurahimah & Muhammad Nidzam (2016) yang telah diolah mengikut kesesuaian. Soal selidik dibuat kesahan terlebih dahulu sebelum diedarkan. Soal selidik ini menggunakan skala Likert lima (5) iaitu; 1 (sangat tidak setuju), 2 (tidak setuju), 3 (Neutral), 4 (setuju), dan 5 (sangat). Item dalam soal selidik terdiri daripada tiga (3) bahagian:

- i. Bahagian A: Demografi responden
- ii. Bahagian B: Isu penguasaan kosa kata Arab
- iii. Bahagian C: Penggunaan peranti telefon

Persampelan

Persampelan pula terdiri daripada para pelajar UiTM Cawangan Kedah. Populasi kajian ini terdiri daripada 230 orang pelajar dan sampelnya terdiri daripada 144 orang pelajar yang

dipilih secara rawak mudah. Saiz sampel berpandukan kepada penentuan saiz yang digariskan oleh Krejcie & Morgan (1970).

Analisis Data

Data dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences (SPSS)* versi 28. Data terkumpul dianalisis secara deskriptif iaitu melibatkan kekerapan, peratusan dan min. Pendekatan statistik deskriptif ini diaplikasikan dalam kajian ini untuk mendapatkan nilai tepat. Ia juga membantu dalam memperhalusi permasalahan kosa kata dan membentuk solusi untuk mengatasi masalah kosa kata. Jadual 1 menunjukkan interpretasi skor min yang diadaptasi daripada Nunnally dan Bernstein (1994).

Jadual 1: Interpretasi skor min

Skor Min	Interpretasi
1.00-2.00	Rendah
2.01-3.00	Sederhana rendah
3.01-4.00	Sederhana Tinggi
4.01-5.00	Tinggi

4. Dapatan

1) Demografi Responden

Jadual 2: Demografi responden

Item	Bilangan	Peratus
Jantina		
Lelaki	38	26.3%
Perempuan	106	73.6%
Jumlah	144	100%
Kemahiran ICT		
Tidak Mahir	0	0%
Kurang Mahir	23	16%
Mahir	115	80%
Sangat Mahir	6	4%
Jumlah	144	100%

Jadual 2 menunjukkan taburan data responden yang melibatkan item jantina dan kemahiran ICT. Dapatan menunjukkan responden terdiri daripada responden lelaki seramai 38 pelajar dengan nilai peratusan 26.3%. responden perempuan terdiri daripada 106 pelajar dengan nilai peratus 73.6%. Jumlah responden perempuan lebih ramai daripada lelaki. Kemahiran ICT responden boleh dikategorikan sebagai sangat mahir iaitu 6 responden (4%), kategori mahir sebanyak 115 responden (80%), kurang mahir seramai 23 responden (16%) dan tidak mahir ialah 0.

2) Isu Penguasaan Kosa Kata Arab

Jadual 3: Isu penguasaan kosa kata Arab

Item	STS	TS	N	S	SS	Min
1 Tiada strategi pembelajaran	9 (6.3%)	39 (27.1%)	47 (32.6%)	45 (31.3%)	4 (2.8%)	2.97
2 Kaedah pengajaran yang tidak menarik	12 (8.3%)	43 (29.9%)	53 (36.8%)	31 (21.5%)	5 (3.5%)	2.82
3 Alat pengajaran yang tidak berkesan	10 (6.9%)	54 (37.5%)	45 (31.3%)	31 (21.5%)	4 (2.8%)	2.76
4 Kekurangan aktiviti pembelajaran yang mengkhususkan kepada kosa kata	8 (5.6%)	39 (27.1%)	47 (32.6%)	42 (29.2%)	8 (5.6%)	3.02
5 Kesukaran menguasai makna perkataan	8 (5.6%)	23 (16%)	37 (25.7%)	58 (40.3%)	18 (12.5%)	3.38
6 Kesukaran menguasai sebutan perkataan	12 (8.3%)	32 (22.2%)	46 (31.9%)	44 (30.6%)	10 (6.9%)	3.06
7 Kesukaran mengeja perkataan Arab	10 (6.9%)	35 (24.3%)	37 (25.7%)	48 (33.3%)	14 (9.7%)	3.15
8 Kesukaran menghafal kosa kata Arab	10 (6.9%)	29 (20.1%)	36 (25%)	52 (36.1%)	17 (11.8%)	3.26
9 Masalah komunikasi Arab	5 (3.5%)	19 (13.2%)	42 (29.2%)	58 (40.3%)	20 (13.9%)	3.48
Jumlah						3.1

Taburan data dalam jadual 3 memaparkan skor min isu penguasaan kosa kata Arab dalam kalangan responden. Pernyataan satu (1) bagi isu tiada strategi pembelajaran ialah 2.97 dengan interpretasi sederhana rendah. Sebahagian kecil pelajar tiada strategi pembelajaran kosa kata Arab. Sementara itu, isu kaedah pengajaran yang tidak menarik menunjukkan skor min 2.82 dengan interpretasi sederhana rendah memberikan gambaran terhadap kaedah pengajaran yang perlu dibuat penambahbaikan. Pernyataan tiga (3), alat pengajaran yang tidak berkesan menyumbang kepada skor min 2.76 dengan interpretasi sederhana rendah. Ini memberi petunjuk bahawa faktor penguasaan kosa kata Arab dalam kalangan responden turut dipengaruhi oleh keberkesanan dan kesesuaian alat pengajaran yang dipraktikkan.

Item empat (4), kekurangan aktiviti pembelajaran yang mengkhususkan kepada kosa kata mencatatkan skor min 3.02 dengan interpretasi sederhana tinggi. Rasionalnya, ia petunjuk kepada aktiviti pembelajaran kosa kata Arab perlu diberi penekanan. Item lima (5), kesukaran menguasai makna perkataan menyumbang kepada angka skor min 3.38 dengan interpretasi sederhana tinggi merungkaikan kesukaran responden menguasai makna perkataan kosa kata Arab. Di samping itu, pernyataan enam (6) dengan nilai skor min 3.06 memberikan gambaran bahawa pelajar lemah dalam sebutan perkataan Arab dan memerlukan tunjuk ajar. Begitu juga pernyataan tujuh (7) dan lapan (8) dengan nilai skor min masing-masing 3.15 dan 3.26 memberikan interpretasi sederhana tinggi. Ia menunjukkan kesepakatan responden terhadap permasalahan tersebut dan memerlukan nilai tambah terhadap isu ini. Skor min bagi pernyataan sembilan (9) dalam kalangan pelajar menunjukkan ia angka nilai paling tinggi

dengan skor sebanyak 3.48. Rata-rata pelajar menyatakan respon yang konsensus terhadap masalah tersebut. Mereka memerlukan satu platform yang spesifik yang boleh menguasai komunikasi dengan kosa kata Arab.

3) Penggunaan Peranti Telefon

Jadual 4: Penggunaan peranti telefon

Item	Bilangan	Peratus
Sistem Pengendalian Telefon Pintar		
Andorid OS	74	51.4%
iPhone Os/iOS (Apple)	70	48.6%
Jumlah	144	100%
Kemudahan Capaian Internet		
Akses internet berwayar	24	16.7%
Internet (WiFi/Wireless)	108	75%
Langganan internet jalur lebar (Broadband)	12	8.3%
Jumlah	144	100%
Tujuan Penggunaan Peranti Mudah Alih		
Hiburan	7	4.9%
Komunikasi	88	61.1%
Pendidikan	49	34.0%
Jumlah	144	100%

Dalam jadual 4, dapat diperhatikan penggunaan peranti dalam kalangan pelajar. Majoriti pelajar adalah pelopor kepada android OS dengan peratusan tertinggi sebanyak 51.4%. Diikuti iPhone Os iPhone Os (48.6%) menjadi pilihan kedua sistem pengendalian telefon pintar dengan jumlah seramai 70 responden. Dari aspek kemudahan capaian internet dalam kalangan pelajar, kecenderungan mereka lebih kepada akses internet secara wifi atau tanpa wayar dengan angka sebanyak 108 orang (75%). Ini kerana capaian internet secara wifi ini mudah untuk dijaringkan dalam apa jua peranti sama ada telefon pintar atau komputer riba. Diikuti dengan capaian internet berwayar muncul sebagai penggunaan kedua tertinggi dengan jumlah sebanyak 24 responden (16.7%). Penggunaan internet jalur lebar (broadband) pula mencatatkan angka sebanyak 12 responden (8.3%). Ini menunjukkan pengendalian internet berbentuk wifi lebih selesa dan penggunaannya lebih memudahkan. Beralih kepada aspek penggunaan peranti mudah alih, statistik mencatatkan bahawa kecenderungan pelajar-pelajar lebih kepada tujuan berkomunikasi (61.1%). Seterusnya, pendidikan dengan angka peratusan sebanyak 34%. Manakala hiburan pula hanya melibatkan 4.9% sahaja.

5. Perbincangan

Hasil tinjauan menunjukkan pelajar-pelajar memberikan respon memberangsangkan terhadap soal selidik yang telah diagihkan. Hasil respons mendapati tahap keperluan teknologi dalam pembelajaran kosa kata bahasa Arab berada di tahap positif dan menggalakkan. Sehubungan itu, sambutan ini menunjukkan consensus daripada responden yang mendorong kepada satu keperluan terhadap aplikasi kosa kata Arab sebagai alat pembelajaran tambahan. Perkara ini sebagaimana dinyatakan Cahyani et.al (2021) bahawa reka bentuk kosa kata bahasa Arab yang ingin dibangunkan boleh membantu glosari kosa kata dan pemahaman pelajar.

Tambahan lagi, dapatan kajian mendapati penerimaan responden terhadap platform berasaskan teknologi berada di tahap sederhana tinggi. Ini menjadi penanda aras terhadap penerimaan responden dengan medium teknologi yang begitu memberangsangkan. Ini amat membantu meningkatkan daya motivasi pembelajaran kosa kata bahasa Arab. Justeru, ia bertepatan dengan satu pendapat iaitu pendekatan media pembelajaran harus diketengahkan supaya pelajar tidak jemu dengan pembelajarannya. Teknologi perlu diperkembangkan dalam membangunkan platform pembelajaran kondusif lebih-lebih lagi teknologi telefon mudah alih yang dipelopori golongan muda (Kesuma, 2021).

Melihat kepada peredaran zaman yang semakin merentasi zaman, pendidikan semakin berkembang tanpa sempadan dengan kehadiran teknologi. Pembelajaran kosa kata bahasa Arab kini dengan pemanfaatan teknologi menarik perhatian generasi masa kini tidak kira apa jua lapisan usia. Transformasi pembelajaran kosa kata kini berubah daripada rumit kepada fleksibel dan ia boleh dipelajarinya walau berada di mana sahaja. Keadaan sebegini turut dijelaskan dalam satu pandangan iaitu apabila teknologi dipraktikkan dalam pembelajaran, ia mampu mendukung perkembangan teknologi dalam pendidikan. Pembelajaran seumpama ini menjadikan pembelajaran bahasa Arab dapat disajikan secara visual dan berteknologi dengan lebih menarik (Chrisnawati dan Nugroho, 2023). Dapatan kajian ini juga disokong oleh beberapa kajian lain terhadap aplikasi, prototaip atau pembangunan aplikasi pembelajaran kosa kata bahasa Arab berbentuk platform teknologi seperti Che Hat et.al (2022), Maharani dan Warmansyah (2022), Parihin et.al (2022), Alfian (2020) dan Jasni et.al (2020).

6. Kesimpulan

Kesimpulannya, dapatan kajian menjawab kepada keperluan terhadap pembangunan aplikasi kosa kata bahasa Arab komunikasi yang boleh dimanfaatkan kepada pelajar UiTM Kedah khususnya. Impak positif terhadap keperluan aplikasi ini diharap dapat menyumbang kepada kejayaan menghasilkan platform tersebut. Semoga kewujudan aplikasi ini dapat membantu meningkatkan kemahiran kosa kata bahasa Arab dalam kalangan pelajar yang menjadi akses kepada kemajuan pembelajaran pelajar dalam aspek kosa kata Arab.

7. Penghargaan

Artikel ini adalah hasil penyelidikan Geran Penyelidikan MyRA Universiti Teknologi MARA (UiTM) 600-RMC/GPM LPHD 5/3 (188/2021) bertajuk *Pembangunan Aplikasi Kosa Kata Bahasa Arab Komunikasi Mufradati Pelajar UiTM*. Jutaan terima kasih diucapkan kepada UiTM kerana membiayai penyelidikan ini dan terima kasih juga kepada para pelajar yang terlibat sebagai responden dalam menjayakan kajian ini.

Rujukan

- Afaria, Z. (2020). Pengaruh Program Matrikulasi terhadap Kemampuan Berbahasa Arab Mahasiswa Baru Pendidikan Bahasa Arab. *Tatsqifiy: Jurnal Pendidikan Bahasa Arab* 1(2), 101-111.
- Alfian, A. N. (2020). Aplikasi media pembelajaran pengenalan kosakata harian bahasa arab dengan metode multimedia development life cycle (MDLC). *INFORMATION MANAGEMENT FOR EDUCATORS AND PROFESSIONALS* 5(1), 95-104.
- Azzikri, M. H. (2019). Pengembangan m-kamus istilah penelitian dalam bahasa arab bagi mahasiswa pendidikan bahasa arab universitas negeri semarang. *LISANIA: Journal of Arabic Education and Literature*, 3(2), 128-142.
- Cahyani, A., Fauzan, M., Putri, K. A. R., Larasati, A. D., Sakdiyah, N. H., Tohuri, A. (2021). Arabic vocabulary: konsep aplikasi berbasis augmented reality untuk meningkatkan penguasaan kosakata bahasa arab. *Journal of Language, Literature, and Arts* 1(8), 1158-1170.
- Che Hat, N., Zailani, M. A., Hussin, Z., Noor, S. S. M., Osman, N. (2022). Penilaian formatif perisian kursus pembelajaran kosa kata bahasa arab bagi murid sekolah rendah (i-KoBA). *al-Qanadir International Journal of Islamic Studies* 25(2), 64-79.
- Chrisnawati, G., Nugroho, F. P. (2023). Aplikasi pembelajaran interaktif bahasa arab dasar untuk anak berbasis android. *Journal on Education* 5(2), 3620-3624.
- Ewais, A. & Troyer, O. De. (2019). A usability and acceptance evaluation of the use of augmented reality for learning atoms and molecules reaction by primary school female students in palestine. *Journal of Educational Computing* 57(7), 1-27.
- Hapsari, G. P. P., Zulherman. (2021). Pengembangan media video animasi berbasis aplikasi canva untuk meningkatkan motivasi dan prestasi belajar siswa. *Jurnal BASICEDU* 5(4), 2384-2394.
- Jasni, S. R., Ahmad, S. Z., Zainal, H. (2020). Impak pendekatan kreatif dalam pengajaran dan pembelajaran kosa kata arab. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 3(1), 10-21.
- Kesuma, M. K., Kesuma, C. G., Saputra, D. (2021). Rancangan media pembelajaran kosa kata (*mufrodat*) bahasa arab berbasis game android. *SIENNA* 2(1), 32-42.
- Koderi, Zuliana, E., Budiman, A. (2021). Iplementasi strategi mimicry memorization pada pembelajaran mufrodat bahasa arab bagi siswa madrasah ibtidaiyahmin 7 bandar lampung. *al-Fathin* 4(1), 49 61.
- Krejcie, R.V. & Morgan, D.W., (1970). *Determining Sample Size for Research Activities*. Educational and Psychological Measurement.

- Maharani, D. & Warmansyah, J. (2022). Pengembangan video pembelajaran untuk pengenalan kosa kata bahasa arab anak usia dini berbasis aplikasi inshot. *JOSTECH: Journal of Science and Technology* 2(1), 61-74.
- Mohd, R. A. S., Zanaton, I., Fariza, K. (2022). Analisis keperluan: pembangunan aplikasi mudah alih sains tahun lima sekolah kebangsaan luar bandar di malaysia. *Jurnal Pendidikan Sains Dan Matematik Malaysia* 12(2), 1-15.
- Nur, S. J., Murli, N. (2022). Pembangunan Aplikasi Salam Arabic. *Applied Information Technology and ComputerScience* 3(1), 60-74.
- Nurahimah, M. Y.& Muhammad Nidzam, Y. (2016). Analisis fuzzy delphi terhadap peluang pelaksanaan m-pembelajaran dalam kalangan pensyarah di institut pendidikan guru malaysia. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi*, Jilid 11, 32-50.
- Razak, Z. R. A., Samah, R., Ismail, S. (2020). Tahap penguasaan kosa kata bahasa Arab pelajar universiti: satu kajian korpus di universiti sains islam malaysia. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)*, 10(1), 71-80.
- Rifda, H., Mohamad, S. (2023). Penerapan technological pedagogical and content knowledge (tpack) dalam pengajaran keterampilan berbahasa arab. *Ta'limi: Journal of Arabic Education & Arabic Studies*, 2(1), 61-72.
- Parihin., Wijayanti, H. N., Masaji, L., Pebriawati, T. W., Warseto, A. (2022). Meningkatkan penguasaan kosakata bahasa arab siswa madrasah tsanawiyah menggunakan game interaktif kuizpro-b.arab berbasis android. *Jurnal Riset Teknologi dan Inovasi Pendidikan* 5(2), 149-158.